

Dr. M yakin Manila tidak akan menekan penduduk Islam

PUTRAJAYA 8 Mei – Malaysia percaya Filipina tidak akan menggunakan perjanjian memerangi jenayah merentasi sempadan bersama yang ditandatangani di sini semalam untuk menekan penduduk Islam di selatan negara itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau telah menimbulkan kebimbangan sesetengah pihak mengenai kemungkinan itu dalam pertemuan dengan Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo.

Menurutnya, Arroyo sendiri mengatakan beliau amat berminat untuk mengadakan kerjasama dengan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF).

“Tetapi kita tahu juga di selatan Filipina, orang Islam sana tidak bersatu hati.

“Apabila satu pihak hendak ada perdamaian, satu pihak lagi akan berusaha agar perdamaian itu tidak tercapai. Ini yang dia (Arroyo) khuatir,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas menerima kunjungan Perdana Menteri Lubnan, Rafic Hariri di Kompleks Seri Perdana, di sini hari ini.

Perdana Menteri ditanya mengenai kebimbangan sesetengah pihak bahawa Filipina akan mengambil kesempatan daripada perjanjian tersebut untuk mengenakan tekanan ke atas penduduk Islam di negara itu.

Perjanjian pertukaran maklumat dan prosedur komunikasi untuk mempertingkatkan kerjasama menangani jenayah merentasi sempadan bersama itu ditandatangani tiga negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Filipina.

Majlis yang berlangsung di Jabatan Perdana Menteri disaksikan oleh Dr. Mahathir dan Arroyo.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan rakan sejawatannya dari Indonesia, N. Hassan Wirajuda serta Setiausaha Dalam dan Tempatan Filipina, Jose D. Lina Jr. menandatangani mewakili negara masing-masing.

Pemeteraian perjanjian itu menandakan berakhirnya usaha perundingan selama empat bulan yang bermula dengan mesyuarat peringkat pegawai di Filipina pada 27 dan 28 Disember tahun lalu, bagi merangka draf awal perjanjian itu.